

PEMATUHAN PENGGUNAAN KATA LALUAN DAN KESELAMATAN DIGITAL DALAM SISTEM KERAJAAN ELEKTRONIK

PENDAHULUAN

Malaysia telah mengalami banyak perubahan besar elektronik dengan terlancarnya Wawasan 2020 pada tahun 1992, Koridor Raya Multimedia pada tahun 1996 dan Kerajaan Elektronik pada 1997. Pelbagai pembangunan prasarana kerajaan elektronik telah pesat dilaksanakan melalui puluhan projek-projek pembangunan aplikasi dan aspek-aspek perundangan elektronik yang berkaitan. Terutamanya dari aspek keselamatan dalam urusan dan urusan niaga elektronik negara. Ini telah membawa kepada kelulusan Akta Tandatangan Digital (Akta 562) dan Akta Jenayah Komputer (Akta 563) pada tahun 1997.

Semua pihak dari pelbagai sektor yang terlibat dalam aktiviti pengkomputeran menyambut baik usaha-usaha yang dilakukan kerajaan. Di antara sektor yang paling banyak menggunakan Akta 562 dan Akta 563 adalah sektor Perbankan. Bank-Bank dalam persaingan sesama mereka sangat bergantung kepada pemrosesan data yang tepat yang memerlukan kawalan keselamatan digital terbaik dan tahap pemrosesan maklumat sulit berskala tinggi serta pelaporan terperinci.

EVOLUSI PERBANKAN ELEKTRONIK

Sehingga kini bank-bank telah berevolusi dari perbankan manual kepada transaksi atas talian secara automasi dan digital serta mengadakan prosedur-prosedur kawalan tertentu yang ketat. Ini bertujuan menjamin integriti pemerakuan (*Authorisation*) dan dokumentasi digital urusan niaga secara elektronik (*online & realtime*) dan mematuhi piawaian-piawaian tertentu Bank Negara Malaysia serta lain-lain undang-undang negara yang berkuatkuasa.

Sektor perbankan merupakan sektor yang paling utama dalam pengagihan kekayaan negara yang lebih pantas dan cepat kepada rakyat dan semua pelanggan kerajaan yang menerima bayaran.

PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN AKAUN KERAJAAN ELEKTRONIK

Pihak Kerajaan, selaku pendukung utama polisi negara, menjanjikan penyampaian mutu perkhidmatan teras yang terbaik kepada rakyat melalui pembangunan aplikasi-aplikasi utama Kerajaan Elektronik. Di antaranya adalah ePerolehan dan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) di bawah Kementerian Kewangan yang menyokong pengurusan perolehan dan pembayaran perbelanjaan

sektor awam secara *real time* dan *online* yang pantas dengan menggunakan dokumen-dokumen bertandatangan digital.

eSPKB yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia, telah dilaksanakan pada 1 Oktober 2000 di empat (4) PTJ Pemegang Waran iaitu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia(MAMPU), Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Jabatan Audit Negara. Tarikh 1 Oktober 2000 merupakan titik tolak utama kepada pelaksanaan bayaran baucar elektronik secara *online* menggunakan pindahan dana secara elektronik (*Electronic Fund Transfer*(EFT)) melalui *Desktop Banking* kepada penerima di mana ianya lebih efisien dari penggunaan cek yang sebelum itu mempunyai risiko pemalsuanⁱⁱ yang semakin meningkat pada masa itu.

KELEBIHAN-KELEBIHAN UTAMA KERAJAAN ELEKTRONIK

Selain itu, eSPKB turut membawa kepada banyak kelebihan lain seperti proses pembayaran berjaya dipercepatkan, kesilapan kunci masuk baucar manual disifarkan, kawalan lebih ketat kepada tarikh Pesanan Tempatan dan Invois serta penghantaran dokumen bayaran elektronik yang boleh dibuat pada bila-bila masa berbanding dokumen manual yang tertakluk kepada waktu pejabat sahaja.

PENCAPAIAN AWAL KERAJAAN ELEKTRONIK

Pada tahun 2003, dengan pembentangan kelebihan eSPKB dan EFT, eG-BPOC (kini Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)), JANM telah mendapat tempat ketiga dalam Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Perbendaharaan (dipamerkan di Galeri JANM) dan tersenarai di dalam senarai 24 kertas pembentangan terbaik Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat MAMPU pada tahun yang sama.

Pihak MAMPU, sebagai agensi utama permodenan sektor awam, telah mengeluarkan arahan-arahan tertentu bagi mengawal integriti urusan niaga, dokumentasi dan laporan yang wujud selari dengan pelaksanaan Akta Tandatangan Digital (AKTA 562) dan Akta Jenayah Komputer (AKTA 563) di seluruh negara. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 01/2003 merupakan satu contoh khusus garis panduan yang dikeluarkan oleh MAMPU untuk memberikan kawalan terbaik kepada penggunaan kata laluan emel dan merujuk kepada peruntukan undang-undang Akta 563.

KOMITMEN KERAJAAN KEPADA AGENDA KERAJAAN ELEKTRONIK

Pembangunan aplikasi dan infrastruktur kerajaan elektronik terus berlaku di pihak kerajaan. Semakin hari semakin banyak, malah dalam pelaksanaan eSPKB sendiri berjuta-juta dokumen elektronik disediakan dan berbillion pindahan dana elektronik (*Electronic Fund Transfer*) kepada akaun penerima bayaran, dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif. Ini merancakkan pertambahan bilangan Pusat

Tanggungjawab(PTJ) pengguna eSPKB setiap tahun serta perkembangan aplikasi kerajaan elektronik yang semakin matang dan lebih dipercayai.

Selaras dengan kemajuan ini, Arahan Perbendaharaan 103 juga telah dipinda kepada 14 hari daripada 30 hari pada tahun 2003, berdasarkan kemajuan proses pembayaran yang berjaya dipercepatkan. Ini turut berlaku kerana adanya, undang-undang yang menyokong aspek keselamatan dan kawalan semua urusan yang dijalankan secara elektronik melalui urusan dokumen-dokumen yang ditandatangani secara digital.

KELONGGARAN KESELAMATAN KATA LALUAN DAN KAWALAN DOKUMEN

Namun, semakin lama pengguna eSPKB menggunakan sistem pengkomputeran ini, didapati berlaku kekurangan kawalan kepada kata laluan pengguna, penggunaan token dan dokumentasi digital yang terhasil dari urusan elektronik bertandatangan digital terutamanya dari aspek cetakan dokumen digital. Perkara ini telah mendapat teguran Jabatan Audit Negara, kerana terdapat pemerhatian khusus ID pengguna dan Token Sistem eSPKB digunakan oleh individu lain. Di antara perkara kesalahan penggunaan kata laluan yang menjejaskan integriti pegawai awam yang menggunakan Sistem eSPKB (kini *Integrated Government Financial Management and Accounting System* (iGFMAS) adalah seperti berikut:

1. MEMBERIKAN/ MEMAKLUMKAN KATA LALUAN KEPADA PENGGUNA LAIN

Tindakan memberi maklumat kata laluan selain pihak yang dibenarkan berkomunikasi adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 6 (1) dan (2) Akta 563 dan boleh dikenakan denda RM25,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya.

2. MEMILIKI KATA LALUAN PENGGUNA LAIN ATAU CAPAIAN TANPA KUASA

Memiliki kata laluan pengguna lain tanpa capaian kuasa yang sah adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 3 (1) Akta 563 dan boleh dikenakan denda RM100 ribu ringgit atau 5 tahun penjara. Menggunakan ID dan Token individu lain (yang tidak dibenarkan untuk berkomunikasi) bagi melakukan urusan, meskipun dengan kebenaran dan mencetak dokumen-dokumen digital menggunakan ID dan Token Individu lain menjejaskan integriti pegawai dan urusan tersebut.

3. MEMBIARKAN CETAKAN DOKUMEN-DOKUMEN KEWANGAN YANG DITANDATANGANI SECARA DIGITAL DICAPAI OLEH INDIVIDU YANG TIDAK BERKENAAN.

Dokumen digital yang berisiko terdedah sebaik-baiknya tidak dicetak sekiranya tiada keperluan dan salinan tersalah cetak hendaklah dimusnahkan. Contohnya: baucar bayaran cetakan digital (meskipun berwarna hitam putih) dibiarkan terletak di mana-mana bahagian dalam pejabat atau tidak diricih sempurna. Sekiranya pengguna cuai dan tidak menyediakan kawalan yang sepatutnya kepada dokumen-dokumen cetakan digital, individu tersebut boleh dikenakan tindakan di bawah (Seksyen 39(b) Akta 562) dan Seksyen 62(2) (a) dan (b). Manakala kegagalan menjaga kewajipan kerahsiaan dokumen tandatangan digital boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 72(2) yang mengatakan denda sehingga RM200 ratus ribu atau 2 tahun penjara.

PUNCA BERLAKU KELONGGARAN KESELAMATAN KATA LALUAN DAN KAWALAN DOKUMEN

Maklumbalas umum daripada Pusat Tanggungjawab semasa naziran JANM Perak mendapati di antara alasan yang diberi oleh Pengguna Sistem eSPKB (kini iGFMAS) adalah pihak pengurusan/penyelia terlampau sibuk dengan urusan-urusan lain dan Arahan Perbendaharaan 103 mengkehendaki bayaran dibuat dalam masa 14 hari. Meskipun begitu, semua tindakan tersebut telah dinyatakan dilaksanakan dengan suci hati bagi memastikan tiada bayaran (melebihi 14 hari) yang boleh menjejaskan prestasi bayaran Ketua Jabatan dan Pegawai Pengawal.

Kelonggaran ini turut terpaksa diamalkan di PTJ-PTJ terutamanya pada akhir tahun yang memerlukan tindakan segera bagi menyediakan baucar dalam tempoh tertentu yang terhad dan dalam jumlah baucar yang sangat banyak. Kakitangan awam yang menyediakan baucar, memperaku dan meluluskan bayaran pada hari pembayaran dibuat menggunakan ID pegawai atasan mereka. Ini memberikan tanggapan yang salah kepada pihak atasan seolah-olah PTJ di bawah kementerian mereka boleh membuat bayaran kurang dari 7 hari (Terdapat kementerian yang dengan rasmi menetapkan KPI selama 3 hari). Ini hanya dapat dibuktikan daripada ratusan baucar di laporan eSPKB BV343(kini di iGFMAS dikenali sebagai LAPORAN APRPT-35 “Laporan Prestasi Proses Pembayaran Bil / Invois Sempurna”) yang disediakan dengan sangat pantas dengan tempoh kosong hari di PTJ. Namun, perkara ini tidak terlihat secara jelas, sehinggalah ada penemuan dan teguran rasmi Jabatan Audit Negaraⁱⁱⁱ.

KAWALAN PENGGUNA eSPKB/iGFMAS KEPADA SISTEM ELEKTRONIK LAIN

Selain itu, pengguna eSPKB/iGFMAS yang juga merupakan pengguna kepada Sistem Elektronik yang lain contohnya Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia(HRMIS), didapati tidak memaklumkan kepada pegawai bawahan mereka

untuk meluluskan cuti mereka sendiri atau perkara-pekerja berkaitan LNPT walau bagaimana sibuk sekalipun pegawai atasan mereka. Ini menunjukkan wujud perbezaan sikap kepada tindakan pengurusan kewangan dan akaun yang sebenarnya menuntut integriti dan pematuhan yang lebih tinggi.

TEGURAN RASMI JABATAN AUDIT NEGARA

Jabatan Audit Negara telah memberikan teguran rasmi perkara ini, dan dinyatakan di para 5.4 (ii) dan (iii) Minit Mesyuarat Membincangkan Laporan Jawatankuasa Audit Sepanjang Tahun 2016 dengan pihak Bahagian Pengurusan Operasi dan Pejabat Perakaunan (BPOPP). Pihak audit telah meminta pihak JANM sebagai agensi pelaksana system kewangan dan akaun bertanggungjawab untuk mengambil tindakan berkaitan isu kawalan pada ID dan Token eSPKB (kini digantikan dengan iGFMAS)

SYOR DAN CADANGAN

Meskipun Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) tidak mempunyai punca kuasa khusus untuk menguatkuasakan Akta 562 dan 562, namun tanggungjawab memastikan integriti dan akauntabiliti transaksi kewangan dan akaun di PTJ tetap berada di bawah pengawasan JANM dan Perbendaharaan amnya. Sehubungan itu, kami dari JANM Negeri Perak ingin mencadangkan beberapa perkara berbentuk kawalan yang mungkin boleh memantapkan integriti pengurusan urusan niaga dan dokumentasi elektronik kewangan dan akaun di PTJ-PTJ Persekutuan seperti berikut:

1. DI PERINGKAT AGENSI PELAKSANA SISTEM

1.1. MENGELUARKAN SATU SURAT ARAHAN/GARISPANDUAN KHAS (SEBAGAI AGENSI UTAMA PELAKSANA iGFMAS)

Satu arahan khusus perlu dikeluarkan kepada pengguna dengan memperincikan arahan dan tatacara mengawal selamat Pihak Pemerakuan ID dan Token iGFMAS (*Authorisation*) serta cetakan-cetakan dokumen digital dan laporan-laporan. Selain itu, surat arahan ini turut menggariskan tindakan-tindakan kawalan tertentu serta implikasi ketidakpatuhan dan ketidakakuran kepada undang-undang dan arahan-arahan yang berkuatkuasa.

1.2. MEMPASTIKAN PENGLIBATAN SEMUA PEJABAT KETUA AKAUNTAN, PENGARAH NEGERI DAN CAWANGAN JANM

Arahan yang dikeluarkan perlu melibatkan semua peringkat anggota JANM sendiri dan dimaklumkan secara jeyarawara (*roadshow*)/taklimat/naziran). Semua anggota JANM turut digalakkan memberikan cadangan dan memberi teguran sekiranya berlaku pelanggaran di bawah Surat Arahan/Garispanduan Khas berkenaan yang merujuk kepada peruntukan undang-undang tertentu Akta 562 dan 563 serta teguran pihak Jabatan Audit Negara. Selain itu, anggota JANM juga perlu bersikap tegas menegur mana-mana pegawai/anggota PTJ yang didapati menggunakan ID atau token individu lain

di pejabat PTJ semasa naziran dilakukan atau ketika hadir menggunakan kemudahan di JANM Negeri/Cawangan.

1.3. PENUBUHAN JAWATANKUASA/PASUKAN KHAS SEMAKAN ARAHAN PERBENDAHARAAN 163 DI SEMUA KEMENTERIAN DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA AKAUNTAN

Di bawah Arahan Perbendaharaan 163 ini, semua tindakan-tindakan pematuhan Arahan Perbendaharaan di peringkat Pegawai Pengawal akan dipantau dan laporan perkara-perkara matan terutamanya yang melibatkan risiko integriti pengurusan kewangan dan akaun akan dibuat kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk tindakan penyelesaian. Jawatankuasa/Pasukan ini, selain dari pematuhan semua Arahan Perbendaharaan, turut dicadangkan untuk dipertanggungjawabkan memantau tahap integriti pematuhan penyediaan dokumen-dokumen kewangan dan akaun secara elektronik.

2. DI PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB PELAKSANA SISTEM

2.1. PEMATUHAN DI PERINGKAT KETUA JABATAN

Semua Ketua Jabatan perlu memandang serius dan menekankan integriti pengurusan kewangan yang lebih baik. **Penekanan Khas Pihak Atasan** perlu dilaksanakan dan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan perlu memastikan anggotanya tidak mengambil jalan mudah membenarkan pegawai bawahan mereka melaksanakan kuasa-kuasa mereka secara tidak sah di bawah Akta 562 dan 563.

2.2. MELAKSANAKAN AKTIVITI KAWALAN DAN PEMANTAUAN YANG BERSESUAIAN (ARAHAN PERBENDAHARAAN 11 dan 13)

Selain itu, Ketua Jabatan perlu mengadakan kawalan/aktiviti semakan yang bersesuaian seperti dikehendaki AP 11 dan AP 13 dari masa ke semasa dalam memastikan tiada eksploitasi terhadap/oleh pegawai bawahan berlaku kerana salah guna kuasa seperti teguran Jabatan Audit Negara dan penjejasan integriti semua Pegawai Perakaunan (AP 3) dan tanggungjawab mereka (AP 4) di bawah seliaannya.

KESIMPULAN

Teguran membina Jabatan Audit Negara yang telah diterima perlu ditangani secara serius dan JANM sangat komited dalam mempertingkatkan tahap integriti pengguna-pengguna iGFMAS. Ini penting dalam membentuk imej penyampaian perkhidmatan kewangan dan akaun kepada rakyat yang berkualiti pada jangka panjang dan

memastikan tiada ruang dan peluang penyalahgunaan kuasa oleh individu yang tidak bertanggungjawab terutamanya di era Jenayah Siber^{iv} yang semakin meningkat.

JANM sebagai agensi yang diamanahkan untuk melaksanakan dan memantau pengurusan kewangan dan akaun yang lebih berintegriti melalui Arahan Perbendaharaan 138, 139 dan AP 163, semestinya akan melaksanakan strategi jangka panjang lebih berkesan dalam menghadapi cabaran dunia elektronik dan digital yang semakin pesat. Kami percaya JANM di bawah Kementerian Kewangan selaku agensi penguatkuasa arahan perbendaharaan kepada Pegawai Pengawal, Ketua Jabatan dan PTJ-PTJ mereka, mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam memupuk budaya kerja lebih berintegriti. Semoga JANM terus maju dan sentiasa berjaya memberikan perkhidmatan kewangan dan perakaunan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

RUJUKAN PERUNDANGAN

1. Akta Prosedur Kewangan (AKta 61)
2. Akta Tandatangan Digital (Akta 562)
3. Akta Jenayah Komputer (Akta 563)
4. Arahan Perbendaharaan
5. Perkara 4 P.U.A 395 Tatacara Kelakuan Pegawai Awam

ⁱ Responsibilities of Operators of Electronic Trading or Broking Platform, Code of Conduct For Malaysia Wholesale Financial Markets, BNM/RH/PD 028-43, 13 April 2017

ⁱⁱ Iktibar Daripada Pemalsuan Cek Kerajaan, Ruangan Pendapat, Utusan Malaysia 6 Oktober 2003.

ⁱⁱⁱ Minit Mesyuarat Membincangkan Laporan Jawatankuasa Audit Sepanjang Tahun 2016 dengan pihak Bahagian Pengurusan Operasi dan Pejabat Perakaunan (BPOPP), 28 Disember 2016, W.P.PUTRAJAYA.

^{iv} Jenayah siber meningkat Harian Metro Online, 8 Oktober 2018